



The Sarawak Museum Journal

Vol. XL No. 61

December 1989



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Hang Tuah Merawin. (1989). Pesta dan Permainan Masa Lapang Kaum Melanau. The Sarawak Museum Journal, XL (61): 259-338

PESTA DAN PERMAINAN MASA LAPANG KAUM MELANAU

Hang Tuah Merawin

MUKADIMAH

Kertas Kerja ini akan mengkaji dan membincangkan topik di atas dalam perspektif yang berikut:

1. Pendekatan yang digunakan dalam Kertas Kerja ini
2. Objektif Kertas Kerja
3. Pesta:
 - (a) Menenalpasti dan menyenaraikan pesta yang disambut oleh masyarakat Melanau
 - (b) Membeza dan mengklasifikasikan jenis pesta berdasar kepada tujuannya, iaitu sama ada ia:—
 - (i) Berunsur keagamaan
 - (ii) Berunsur adat resam
 - (iii) Berunsur perubatan tradisional
 - (iv) Pertemuan sukaria
 - (c) Huraian mengenai satu-satu pesta
 - (d) Menentukan sama ada pesta itu bersifat silang budaya (cross cultural) atau unik bagi kaum Melanau sahaja.
4. Permainan masa lapang:
 - (a) Menenalpasti dan menyenaraikan permainan yang dimainkan oleh kaum Melanau pada masa lapang:
 - (i) Masa kanak-kanak
 - (ii) Masa remaja
 - (iii) Masa dewasa
 - (iv) Semua peringkat umur
 - (b) Membeza dan mengklasifikasikan permainan itu mengikut masa, iaitu sama ada ia dimainkan:—
 - (i) Mengikut musim

PESTA DAN PERMAINAN MASA LAPANG KAUM MELANAU

oleh

Hang Tuah Merawin

MUKADIMAH

Kertas Kerja ini akan mengkaji dan membincangkan topik di atas dalam perspektif yang berikut:

1. Pendekatan yang digunakan dalam Kertas Kerja ini
2. Objektif Kertas Kerja
3. Pesta:
 - (a) Mengenalpasti dan menyenaraikan pesta yang disambut oleh masyarakat Melanau
 - (b) Membeza dan mengklasifikasikan jenis pesta berdasar kepada tujuannya, iaitu sama ada ia:—
 - (i) Berunsur keagamaan
 - (ii) Berunsur adat resam
 - (iii) Berunsur perubatan tradisional
 - (iv) Pertemuan sukaria
 - (c) Huraian mengenai satu-satu pesta
 - (d) Menentukan sama ada pesta itu bersifat silang budaya (cross cultural) atau unik bagi kaum Melanau sahaja.
4. Permainan masa lapang:
 - (a) Mengenalpasti dan menyenaraikan permainan yang dimainkan oleh kaum Melanau pada masa lapang:
 - (i) Masa kanak-kanak
 - (ii) Masa remaja
 - (iii) Masa dewasa
 - (iv) Semua peringkat umur
 - (b) Membeza dan mengklasifikasikan permainan itu mengikut masa, iaitu sama ada ia dimainkan:—
 - (i) Mengikut musim

- (ii) Tidak mengikut musim (bila-bila masa sahaja)
- (iii) Mengikut situasi (misalnya waktu ada kematian)
- (c) Huraian mengenai satu-satu permainan.
- (d) Menentukan sama ada permainan itu bersifat silang budaya (cross-cultural) atau unik bagi kaum Melanau sahaja
- 5. Mengenalpasti dan memilih pesta dan permainan untuk:—
 - (a) Dipadankan ke dalam Kebudayaan Nasional
 - (b) Dimajukan sebagai daya tarikan pelancong
 - (c) Dipopularkan supaya menjadi permainan komersial
- 6. Syor dan pandangan terhadap pesta dan permainan kaum Melanau masa kini dan akan datang
- 7. Resolusi

PENDEKATAN

Dalam Kertas Kerja ini saya akan menggunakan 'participative and open-ended approach' iaitu satu pendekatan terbuka melalui penyertaan para peserta seminar ini. Dengan pendekatan ini perbincangan mengenai satu-satu subjek itu tidak akan terhad kepada apa yang saya bantangkan dalam Kertas Kerja ini sahaja tetapi ia boleh diperkembangkan lagi melalui sumbangan para peserta, lebih-lebih lagi memandangkan sesuatu pesta atau permainan itu benda yang hidup dan tidak statik dan pengamalan atau pemakaiannya berbeza-beza dari satu perkampungan ke satu perkampungan yang lain. Melalui pendekatan demikian banyak lagi bahan dan idea baru boleh ditimba untuk menambahkan lagi pengetahuan mengenai subjek-subjek yang dibincangkan itu dan secara tidak langsung memperkayakan lagi khazanah warisan budaya kita.

Dalam Kertas Kerja ini perbincangan saya akan lebih ditumpukan kepada perkara-perkara praktikal seperti mengenalpasti, menyenarai dan mengklasifikasikan pesta dan permainan yang masih ada atau yang tidak wujud lagi dan menghuraikan bagaimana sesuatu upacara atau permainan itu diselenggarakan dan apa peralatan yang digunakan. Saya tidak akan mengemukakan sebarang teori yang baru mengenai asal usul sesuatu pesta atau permainan itu atau mengapa ia bersifat begitu rupa selain dari tafsiran dan pengertian yang diberi oleh informan atau sumber bagi maklumat tersebut. Saya juga akan cuba untuk mengelak dari bergelut dengan hujah-hujah semantik terutama sekali mengenai pemakaian dan pengertian sesuatu perkataan yang digunakan itu. Bagaimanapun, jika ada teori-teori dan semantik yang ditimbulkan semasa membincangkan sesuatu subjek itu maka ia hendaklah dikupas semasa Kertas Kerja ini dibincangkan dalam sesi pleno.

Senarai pesta dan permainan yang dikemukakan dalam Kertas Kerja ini tidak muktamad (not exhaustive). Senarai ini merupakan setakat hasil yang dapat saya perolehi dari penulisan-penulisan pengkaji sosial, wawancara dengan orang-perseorangan dan dari pengalaman saya sendiri. Perlu saya nyatakan di sini bahawa hampir semua dari bahan-bahan yang dimuatkan dalam Kertas Kerja ini diperolehi dari kawasan perairan Mukah dan hanya